



## TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**

**LAWATAN PROGRAM RUMAH IBADAT HIJAU (RIH)**

**28 JANUARI 2024 (AHAD)**

**9.30 PAGI**

---

**SEKOLAH MENENGAH AGAMA TARBIAH DINIAH, KULIM, KEDAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia  
Madani

**[Salutasi]**

- 1. Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim**  
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES);
- 2. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Norizan bin Khazali**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah;
- 3. Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Abd. Ghani @ Zulkifli bin Zainuddin**  
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah;
- 4. Yang Berusaha Ts. Shamsul Bahar bin Mohd Nor**  
Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC);
- 5. Yang Berusaha Ustaz Rusdi bin Hasan**  
Pengerusi Persatuan Pengetua Sekolah Agama Rakyat Negeri Kedah;
- 6. Yang Berusaha Tuan Haji Kamarudin bin Zakaria**  
Pengetua Sekolah Menengah Agama Tarbiah Diniah, Kulim;
- 7. Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Ruzi bin Hamzah**  
Pengarah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah;
8. Pegawai-pegawai kanan Kerajaan;
9. Para guru yang saya hormati dan saudara-saudari sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kita semua dapat bersama-sama berkumpul untuk memeriahkan program Rumah Ibadat Hijau dan Kempen Kesedaran Kepentingan Kelestarian Alam Sekitar peringkat SMA Tarbiah Diniyah. Baru-baru ini, saya juga telah melancarkan Hari Gaya Hidup Hijau di peringkat Kementerian dengan tema 'Meraikan Kelestarian Alam Sekitar'.
2. Alhamdulillah, saya amat berbesar hati berada di sini hari ini menyaksikan komitmen warga SMATD dan Jawatankuasa Persatuan Pengetua Sekolah Agama Rakyat Negeri Kedah bersama-sama dengan MGTC dan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah untuk menjayakan program Rumah Ibadat Hijau (RIH) di sekolah ini. Program RIH ini bertujuan untuk menjadi pusat pemangkin kelestarian alam sekitar dalam memupuk budaya gaya hidup hijau di kalangan masyarakat setempat.

Tuan-tuan, puan-puan dan anak-anak sekalian,

3. Apa yang dimaksudkan dengan konsep Gaya Hidup Hijau yang cuba diketengahkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam? Secara umumnya, idea mempromosi gaya hidup hijau ini adalah cara hidup yang mesra alam dan mengurangkan impak kepada persekitaran seperti pencemaran dan pelepasan gas rumah hijau. Gaya hidup ini bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada bumi, bahkan berupaya meningkatkan kesihatan jasmani, kesejahteraan masyarakat dan produktiviti secara umum.

4. “**Gaya Hidup Hijau**” mempunyai makna yang luas tetapi boleh disimpulkan sebagai “**cara tertentu seseorang individu atau sesuatu kumpulan menjalani kehidupan dengan menekankan penjagaan atau usaha dalam memelihara alam sekeliling**”. Dalam hal ini, sebagai Kementerian yang diamanahkan sebagai peneraju kepada kelestarian alam sekitar, kita seharusnya menjadi *role model* kepada masyarakat dalam memupuk usaha ke arah melestarikan alam sekitar.

Tuan-tuan, puan-puan dan anak-anak sekalian,

5. Antara contoh Gaya Hidup Hijau yang sama-sama kita boleh amalkan di pejabat, sekolah dan rumah kita sendiri adalah:

### **Penjimatatan Tenaga Elektrik**

- I. Matikan Peralatan Yang Tidak Digunakan
- II. Gunakan Mentol Lampu Yang Menjimatkan Tenaga
- III. Bertukar Kepada Peralatan Yang Menjimatkan Tenaga
- IV. Bersihkan Kipas Dan Penapis Udara
- V. Kawal Penggunaan Alatan Pemanas
- VI. Kawal Penggunaan Penyamanan Udara
- VII. Gunakan Suis Automatik Atau Pemasa
- VIII. Elakkan Mencuci Separuh Muatan bagi mesin basuh pakaian
- IX. Gunakan Cahaya Semulajadi
- X. Gunakan Tenaga Solar

### **Penjimatatan Penggunaan Air**

- I. Menutup pili air apabila tidak digunakan
- II. Periksa saluran-saluran air yang ada di seluruh rumah kita, jika ada paip yang rosak atau saluran yang bocor mestilah segera diperbaiki

- III. Menggunakan tangki tадahan air hujan untuk menyimpan air hujan supaya dapat mengurangkan kos penggunaan air untuk menjalankan aktiviti seperti menyiram pokok bunga, mencuci lantai, membersihkan longkang, mengemop lantai, mencuci kereta atau motosikal
- IV. Menetapkan jangka masa semasa mandi untuk mengelakkan pembaziran air. Kurangkan masa mandian; dan
- V. Menukar kepada peralatan teknologi hijau seperti pili cekap air, sistem pengumpulan air hujan (SPAH), dwi flush untuk tandas dan kepala pancuran mandi yang cekap air.

### **Pengurusan Sisa yang Lestari**

- I. Pengasingan sampah melalui program 3R (Reuse, Reduce dan Recycle)
- II. Elakkan penggunaan Plastik Sekali Guna (SUP)
- III. Penggunaan Plastik Mudah Terurai (*Biodegradable Plastic*)
- IV. Hasil sisa makanan harian terkumpul dijadikan baja kompos
- V. Membawa beg yang boleh diguna semula ke pejabat, sekolah dan pasar raya
- VI. Membawa bekas dan minuman ke pejabat dan sekolah.

Tuan-tuan, puan-puan dan anak-anak sekalian,

- 6. Sejak saya diamanahkan menerajui Kementerian ini, saya telah menyeru supaya kita semua menggerakkan usaha-usaha membudayakan amalan gaya hidup hijau. Antara langkah awal yang telah diambil seperti mengelakkan penggunaan plastik sekali guna dalam mesyuarat dan mana-mana majlis rasmi Kementerian.
- 7. Kesedaran mengenai gaya hidup hijau daripada program RIH ini akan mendidik diri kita mengenai kepentingan untuk menjaga kelestarian alam sekitar.

8. Di peringkat individu maupun organisasi seperti sekolah, amalan gaya hidup hijau memberi manfaat langsung dari segi penjimatan kos penggunaan elektrik dan air serta penjanaan pendapatan sampingan menerusi program kitar semula. Penjimatan kos dan pendapatan sampingan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu kelancaran operasi SMATD ini.
9. Saya ingin berkongsi kejayaan pelaksanaan program RIH di Masjid Hasanah, Bandar Baru Bangi, Selangor. Jawatankuasa Masjid tersebut telah berjaya mengumpul hasil jualan barang-barang terpakai sehingga RM50,000 setahun melalui sumbangan dan infak dari ahli kariah dan komuniti setempat. Hasil jualan ini telah digunakan untuk kos perbelanjaan harian dan juga pembangunan pihak masjid. Alhamdulillah, pada bulan Mac 2023 sempena bulan Ramadan 1444H, saya telah merasmikan masjid ini sebagai Rumah Ibadat Hijau pertama di bawah program ini.
10. Lanjutan daripada itu, masjid ini telah menjadi rujukan bagi masjid-masjid lain di Malaysia bagi pelaksanaan program RIH ini. Kehadiran pelawat yang menziarahi masjid ini juga telah mengimarahkan lagi dan secara tak langsung pendapatan kutipan infak semakin bertambah di masjid ini.
11. Saya berharap supaya program di bawah Rumah Ibadat Hijau pada hari ini menjadi pencetus kepada pembentukan warga SMATD selaras dengan matlamat menjadi *role model* “Gaya Hidup Hijau” kepada masyarakat.

12. Saya amat terharu kerana program yang telah kami mulakan ini dapat dikembangkan ke peringkat sekolah, daerah dan negeri di Malaysia. Tahniah warga SMATD kerana sudi menyahut seruan NRES di dalam menjaga kelestarian alam sekitar kerana alam sekitar adalah tanggungjawab bersama.

## PENUTUP

Tuan-tuan, puan-puan dan anak-anak sekalian,

13. Dengan penganjuran program ini, diharap warga SMATD dapat menggunakan peluang ini untuk membuktikan yang warga SMATD ini mampu untuk *walk the talk* dalam usaha kita untuk mendidik diri sendiri, anak-anak dan masyarakat tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada kita secara bersama.
14. Saya menjemput anda semua untuk menjadi ***duta gaya hidup hijau*** kerana setiap tindakan positif walau sekecil mana pun, sekiranya dilaksanakan secara berjemaah dan istiqamah pasti menyumbang ke arah Malaysia yang lebih hijau dan lebih lestari.
15. Kami di peringkat kementerian akan meluaskan jaringan kerjasama bersama kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta agar gaya hidup hijau dijadikan budaya pelbagai kalangan masyarakat.

16. Akhir kata, saya berharap agar penganjuran program ini akan berterusan dan diterima baik oleh semua warga SMATD dan juga Sekolah Agama Rakyat yang lain bagi menjaga kelestarian alam negara yang kita cintai.

Saya sudahi ucapan saya ini dengan lafaz  
Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.